



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR MENOLAK RAYUAN PENGARAH CARTRADE SDN. BHD.**

Kuala Lumpur, 17 Mac 2017 – Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak rayuan Zaharah Ahmad (61 tahun), Pengarah Cartrade Sdn. Bhd. dan mengekalkan keputusan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi dalam satu prosiding *Garnishment* yang berlangsung pada hari ini.

Berikutan keputusan itu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan supaya Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Malayan Banking Berhad agar menyerahkan wang dalam akaun Zaharah berjumlah RM786,374.90 kepada Kerajaan Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) sebagai sebahagian daripada bayaran cukai tertunggak Cartrade Sdn. Bhd. bagi Tahun Taksiran 2002, 2003 dan 2004 sebanyak RM4,100,583.83.

Tindakan ini merupakan tindakan pelaksanaan penghakiman yang diambil terhadap Zaharah atas kapasiti beliau sebagai Pengarah kepada Syarikat Cartrade Sdn. Bhd.

Dalam prosiding yang didengar dan diputuskan oleh Yang Arif Datuk John Louis O'Hara ini, mahkamah turut memerintahkan Zaharah supaya membayar kos sebanyak RM6,000.00 kepada Kerajaan Malaysia.

Zaharah diwakili oleh peguam Datuk Kamarul Hisham Kamaruddin dan Loke Pooi Gee manakala Kerajaan Malaysia (LHDNM) diwakili oleh Peguam Kanan Hasil, Norhisham Ahmad dan Al-Hummidallah Idrus.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 17 Mac 2017.**